

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peranti 'jaga' bayi	Harian Metro
2.	Raja Muda Perlis mahu pusat banjir diurus pihak berkuasa	BERNAMA
3.	APM Kota Setar sedia hadapi gelombang kedua banjir	BERNAMA
4.	APM siap sedia hadapi gelombang kedua	Sinar Harian
5.	Banjir di Kedah makin pulih	Sinar Harian
6.	Tak ramai wanita dalam bidang nuklear	Berita Harian Online
7.	Platform pameran inovasi bioekonomi	Kosmo
8.	Galak kerjasama bangun teknologi	Harian Metro
9.	Premis makanan hijau di USJ 7	Sinar Harian
10.	Premis makanan hijau ketiga dibuka di Subang Jaya	Sinar Harian



SITI Nur Khadijah, Abdullah, 20, dan bayi, Adam Nasraf yang memakai B-Tag & Track.



"Amaran itu akan dikesan melalui bunyi siren atau notifikasi yang dihantar terus ke e-mel"
Wilfred Madius Tangau

Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, peranti itu menggunakan sistem Identifikasi Frekuensi Teknologi Radio (RFID) untuk mengesan dan menentukan kedudukan semasa bayi di dalam wad.

"Selain itu, ia dapat membuat pengesanan sepadan antara ibu dan bayi secara automatik yang diletakkan di tubuh masing-masing termasuk katil mereka.

"Tag itu digunakan dengan aplikasi perisiran keselamatan bayi yang menyediakan pengesanan dan pemantauan lokasi tepat pada setiap masa. Sebagai contoh, manamana bayi yang dibawa keluar wad tanpa kebenaran dapat dipantau menggunakan peranti itu," katanya selepas merasmikan majlis penyerahan Peranti B tag & Track di Agensi Angkasa Negara, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara Dr Noordin Ahmad dan Timbalan Pengarah Kesihatan Selangor Dr Murniati Hasan.

Menurut beliau, bayi yang menggunakan peranti itu akan dapat dipantau, malah jururawat mampu mengesan jika ada pihak cuba menanggalkannya.

"Amaran itu akan dikesan melalui bunyi siren atau notifikasi yang dihantar terus ke e-mel," katanya.

Peranti 'jaga' bayi

■ Hospital Banting perkenal tag keselamatan elak risiko tertukar, kecurian

Norrasyidah Arshad
am@hmetro.com.my

Banting

Hospital Banting dipilih menjadi hospital kerajaan per-

tama menyediakan peranti keselamatan B-Tag & Track yang berfungsi khas untuk menjaga keselamatan bayi baru dilahirkan.

Ia turut berupaya mengelak berlaku risiko kecurian atau penukaran bayi walaupun kes berkenaan terencil di negara ini.



Raja Muda Perlis Mahu Pusat Banjir Diurus Pihak Berkuasa

KANGAR, 27 Sept (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu pusat pemindahan banjir diuruskan pihak berkuasa dan tidak membiarkan pihak luar campur tangan menguruskannya.

Baginda juga menyarankan agar mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan yang diiktiraf oleh Jabatan Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

Selain itu baginda meminta agar mangsa banjir mematuhi arahan pihak berwajib selain menjaga keharmonian dan sensitiviti dan bertanggungjawab memelihara peralatan di pusat pemindahan.

"Oleh kerana pusat pemindahan selalunya berupa premis sekolah, beta mahu segala peraturan seperti larangan merokok sentiasa dipatuhi," titah baginda semasa meninjau mangsa banjir di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Bintong di sini semalam.

Pada masa sama baginda meminta rakyat agar bersabar dalam menghadapi bencana banjir.

"Kita harus mengambil iktibar untuk muhasabah diri, menilai, mengkaji dan membuat bedah-siasat punca bencana ini yang berulang beberapa kali sejak tahun 2010," titah Tuanku Syed Faizuddin.

Baginda mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta pihak yang membantu dan menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir.

Baginda berharap maklumat berkaitan banjir yang diberikan khusus oleh **Jabatan Meteorologi** disiarkan melalui radio dan televisyen selain media sosial agar rakyat dapat membuat persiapan awal.



APM Kota Setar Sedia Hadapi Gelombang Kedua Banjir

ALOR SETAR, 27 Sept (Bernama) -- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) daerah Kota Setar kini bersiap siaga menghadapi gelombang kedua banjir jika berlaku dalam tempoh terdekat ini.

Pegawai Operasinya, Leftenan (PA) Pertahanan Awam, Mohd Shukri Shuib berkata pihaknya dengan kekuatan 50 anggota boleh dikerah pada bila-bila masa bagi membantu memindahkan mangsa yang terperangkap.

"Tahap kesiapsiagaan kami masih tinggi untuk dikerah pada bila-bila masa saja termasuk waktu kecemasan kerana kami memiliki sembilan bot, dua lori, tiga kenderaan pacuan empat roda dan tiga ambulans.

"Walaupun surut kami tetap mengambil langkah berjaga-jaga kerana laporan **Jabatan Meteorologi** mendapati hujan akan turun semula dan jika berlarutan kawasan rendah akan dinaiki air dan mangsa terpaksa dipindahkan semula," katanya kepada pemberita pada Program Pasca Banjir APM Kota Setar di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, di sini, Rabu.

Dalam program itu, seramai 30 anggota dan pegawai APM Kota Setar melakukan aktiviti gotong-royong membersihkan kemudahan yang disediakan di dewan sekolah, kelas dan tandas yang digunakan oleh mangsa banjir di sekolah itu sebelum ini.

Program itu turut disertai guru sekolah, anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia.



APM siap sedia hadapi gelombang kedua



Peserta Program Pasca Banjir APM Kota Setar mencuci kawasan dewan sekolah.

ALOR SETAR - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) daerah Kota Setar bersedia dengan sebarang kemungkinan gelombang kedua banjir melanda Kedah dalam tempoh terdekat ini.

Pengawai Operasi APM Daerah Kota Setar, Leftenan (PA) Pertahanan Awam, Mohd Shukri Shuib berkata, keadaan air makin surut, bagaimanapun anggota tetap bersedia pada bila-bila masa.

"Buat masa ini, hanya empat pusat pemindahan (PP) banjir di daerah ini yang masih beroperasi untuk digunakan penduduk terlibat, manakala 10 lagi telah ditutup berikutan air surut.

"Bagaimanapun, kita tidak tutup terus pusat pemindahan banjir ini, dan akan buka semula pada bila-bila kerana bimbang banjir kilat berulang kembali," katanya.

Katanya, walaupun air surut dan penduduk mula pulang ke rumah masing-masing, namun APM daerah Kota Setar sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan tidak diduga.

Menurutnya, pihak APM mengambil langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu, malah laporan **Jabatan Meteorologi** mendapati hujan akan turun semula.



Anggota APM Kota Setar membersihkan bilik darjah digunakan mangsa banjir.

"Berdasarkan maklumat diperolehi, ada kemungkinan hujan lebat. Jika berterusan, kita bimbang banjir berulang dan penduduk perlu dipindahkan kerana rumah dimasuki air," katanya.

Shukri berkata, APM Kota Setar memiliki 50 anggota boleh dikerah untuk memindahkan mangsa terperangkap dalam banjir pada bila-bila masa.

Menurutnya, pihaknya turut menyediakan aset meliputi sembilan bot, tiga kenderaan jenis pacuan empat roda, tiga ambulans dan dua lori untuk bertindak ketika kecemasan banjir.

"Sehingga jam 11 pagi tadi, seramai 316 mangsa masih ditempatkan di empat pusat pemindahan banjir di daerah ini. Bagaimanapun, kami menjangkakan PP SK Gunung akan ditutup apabila banjir makin pulih," katanya.

Terdahulu, beliau ditemui dalam Program Pasca Banjir APM Kota Setar di Sekolah Kebangsaan (SK) Titi Gajah, di sini, hari ini.

Penghulu Mukim Titi Gajah, Mohd Ridzuan Abd Razak berkata, seramai 120 peserta terdiri dari pelbagai pihak termasuklah anggota APM Kedah dan Pasukan Tindakan Awal Kecemasan Komuniti (CDERT-C) Titi Gajah bergotong-royong mencuci kawasan sekolah.

Katanya, mereka dibantu pihak sekolah, polis dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Titi Gajah membersihkan kemudahan digunakan mangsa banjir di mukim itu.

Menurutnya, peserta melakukan kerja pembersihan tandas, kelas dan dewan sekolah setelah mangsa banjir ditempatkan di SK Titi Gajah pulang ke rumah, sejak Selasa.

Banjir di Kedah makin pulih

Hanya tiga pusat pemindahan masih dibuka menempatkan 179 keluarga

ALORSETAR - Keadaan banjir kilat yang melanda Kedah sejak Jumaat semakin pulih, di mana hanya tiga pusat pemindahan masih dibuka bagi menempatkan 599 mangsa banjir daripada 179 keluarga setakat jam 6 petang berbanding lima buah pagi semalam.

Penyelaras Sekretariat Jabatan Pengurusan Bencana Negeri, Kapten (PA) Saifuddin Abdullah berkata, tiga pusat pemindahan itu adalah di daerah Kota Setar, Pendang, dan Kubang Pasu.

"Di Alor Setar, seramai 263 mangsa banjir dari 90 keluarga masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Gunung Keriang, manakala di daerah Kubang Pasu menempatkan 56 mangsa (12 keluarga) di SK Kodiang

Lama," katanya.

"Pusat pemindahan yang ditutup di daerah Kota Setar adalah di Jabatan Kebajikan Masyarakat Seberang Perak dan Dewan Wawasan Kampung Kelompang.

"Dijangkakan lebih ramai mangsa banjir akan dibenarkan pulang ke rumah berikutan cuaca semakin baik," katanya.

Tambahnya, buat masa ini, anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) sedang giat melakukan aktiviti pembersihan pasca banjir di kawasan terlibat.

Sementara itu, APM daerah Kota Setar bersedia dengan sebarang kemungkinan gelombang kedua banjir melanda Kedah dalam tempoh terdekat ini.

Pegawai Operasinya, Leftenan Mohd Shukri Shuib



Sebahagian anggota APM dan guru membersihkan lantai sekolah pada Program Pasca Banjir di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah semalam.

berkata, walaupun air makin surut, anggota tetap bersedia pada bila-bila masa.

"Buat masa ini, hanya

empat pusat pemindahan banjir di daerah ini yang masih beroperasi untuk digunakan penduduk terlibat

manakala 10 lagi ditutup berikutan air surut.

"Bagaimanapun, kita tidak tutup terus pusat pe-

mindahan banjir ini dan akan buka semula bila-bila masa kerana bimbang, kan banjir kilat berulang," katanya.

Menurutnya, walaupun air surut dan penduduk mula pulang ke rumah masing-masing, namun APM daerah Kota Setar sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan tidak diduga.

"APM mengambil langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu, malah laporan Jabatan Meteorologi mendapati hujan akan turun semula," katanya.

Mohd Shukri berkata, APM Kota Setar memiliki 50 anggota boleh dikerah untuk memindahkan mangsa terperangkap dalam banjir pada bila-bila masa.



Tak ramai wanita dalam bidang nuklear

BANGI: Pembabitan wanita sebagai pembuat keputusan dalam bidang nuklear belum mampu menyamai pencapaian rakan mereka dalam industri lain, biarpun ramai menunjukkan kecemerlangan luar biasa mengatasi golongan lelaki.

Walaupun senario berkenaan menunjukkan trend yang sama dalam industri nuklear di seluruh dunia, golongan wanita dalam bidang ini seharusnya lebih berani bagi membolehkan mereka bangkit 'memecahkan siling kaca' berkenaan.

Pakar Strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fatimah Mohd Amin, berkata untuk berjaya wanita juga tidak seharusnya meletakkan kepentingan peribadi sebagai keutamaan dalam kerjaya sebaliknya mendahulukan tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan negara.

Katanya, bidang ini juga memerlukan kecekalan yang tinggi kerana mereka terpaksa berhadapan dengan sistem yang kompleks, selain perlu mengutamakan standard keselamatan yang ketat dan terjamin.

"Setiap keputusan yang diambil perlu tepat dan tidak diganggu dengan perkara atau unsur lain yang boleh menjejaskan banyak pihak," katanya ketika menyertai forum anjuran Women in Nuclear (WiN) bertajuk Sumbangan Wanita Terhadap Program Nuklear Kebangsaan sempena Persidangan Tahunan Ke-2 WiN Malaysia di sini, semalam.

Forum itu turut disertai bekas Pengarah Bahagian Pembangunan Manusia, Agensi Nuklear Malaysia, Rapieh Amin Nuddin; bekas Pengarah Reaktor Agensi Nuklear Malaysia, Datin Zarina Masood dan Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Seliaan Nuklear, Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia, Azlina Mohammad Jais.

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal Agensi Nuklear Malaysia, Dr Siti A'iasah Hashim menjadi moderator dalam forum yang dianjurkan sempena memperingati ulang tahun ke **40 Agensi Nuklear Malaysia** berkenaan.

Sementara itu, Zarina berkata, wanita dalam bidang nuklear perlu memiliki keyakinan diri yang tinggi bagi menyerlahkan keupayaan bekerja memandangkan mereka terbabit dalam dunia yang dikuasai lelaki.

"Mereka tidak seharusnya mengeneipkan tanggapan negatif apabila bekerja dalam dunia lelaki, sebaliknya tunjuk dan buktikan mereka mampu membuat apa sahaja tugas yang dilakukan lelaki.

"Dengan cara ini kita bukan sahaja dihargai rakan setugas lelaki, tetapi lebih daripada itu mampu mengelak jurang diskriminasi dalam bidang ini," katanya.

Zarina berkata, wanita yang bekerja dalam bidang nuklear di negara ini seharusnya berbangga kerana pencapaian mereka jauh mengatasi negara peneraju seperti Jepun dan Korea.

"Jika dibandingkan dengan kedua-dua negara berkenaan yang lebih maju bidang nuklearnya berbanding negara ini, wanita di Malaysia lebih ramai terbabit dalam kerjaya ini," katanya.

Perkara itu dipersetujui Rapieh yang berpendapat wanita banyak memberi sumbangan dalam agensi nuklear di negara ini, terutama ketika awal penubuhannya pada 1975, ia dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (Puspati).

KERATAN AKHBAR
KOSMO (VARIA K2) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 28 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Platform pameran inovasi bioekonomi

Agensi pembangunan industri berasaskan bio terkemuka negara, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corp.) telah menganjurkan Persidangan dan Pameran BioMalaysia & Asia Pasific Bioeconomy 2017 (BioMalaysia 2017) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Program selama tiga hari yang merangkumi forum dan pameran itu mengumpulkan 67 syarikat bioekonomi tempatan dan luar negara dengan 120 gerai pameran.

Bertemakan *Bioeconomy Driving Growth and Prosperity of the Nation*, program tersebut memberi fokus terhadap topik berkaitan bioekonomi,



MOHD. SHUHAIZAM (tengah) menunjukkan produk-produk yang dipamerkan dalam persidangan BioMalaysia 2017 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

bioplastik, biusahawan tani, biologi dan pemasaran produk ke luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp., Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd.

Zain berkata, BioMalaysia 2017 adalah titik pertemuan penting untuk para penggiat industri bioekonomi.

Katanya, selepas

beberapa tahun dianjurkan, acara tersebut menjadi platform untuk melahirkan idea baharu, penyelesaian praktikal dan kerjasama berkesan antara penggiat industri tempatan dan luar negara.

"Kami sangat berbesar hati kerana dapat menyediakan platform kepada syarikat bioekonomi mempamerkan teknologi, inovasi dan produk baharu mereka.

"Sepanjang tiga hari berlangsung, jumlah pengunjung ke BioMalaysia 2017 adalah seramai 6,000 orang. Angka ini diluar jangkaan kami," katanya ketika ditemu bual *Kosmo!* di KLCC, baru-baru ini.

BioMalaysia 2017 telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian

Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Persidangan dan pameran tersebut turut dimeriahkan dengan forum oleh pakar dalam bidang bioteknologi antaranya Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Prof. Tan Sri Zakri Abd. Hamid.

Mereka membincangkan isu berkaitan penemuan dan peluang terbaharu, kaedah perniagaan, akses pasaran serta peluang pembiayaan dalam industri bioekonomi.

Menurut Mohd. Shuhaizam, pihaknya turut melihat potensi perdagangan dan kerjasama dalam pelbagai bidang yang akan memberi manfaat kepada masyarakat.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 52
TARIKH : 28 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Kota Kinabalu: Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menggalakkan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bekerjasama dengan universiti termasuk institusi penyelidikan tempatan bagi menyuntik serta membangunkan teknologi dalam perniagaan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata, langkah itu penting bagi meningkatkan potensi perniagaan usahawan IKS di negara ini, sekaligus memastikan produk mereka tidak hanya berada dalam pasaran domestik, sebaliknya berupaya menembusi pasaran antarabangsa.

Menurutnya, revolusi industri ketika ini memerlukan usahawan menepapkan elemen teknologi dan inovasi dalam perniagaan mereka.

"Universiti dan institusi penyelidikan tempatan mempunyai ramai pakar yang menghasilkan R&D (penyelidikan dan pembangunan) terhadap sesuatu industri. Justeru, usahawan IKS digalakkan untuk menggunakan semua sumber, itu



NORHALIM (depan, kiri) bersama Christina (kanan) selepas merasmikan MTDC Road2Growth 2017.

yang mungkin ada yang belum diterokai bagi menyuntik aspek teknologi dan inovasi dalam perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program MTDC Road2Growth di sini, semalam.

Menurutnya, kerjasama itu juga mampu memanfaatkan sepenuhnya usaha R&D yang dibuat ahli akademik tempatan seterusnya mengurangkan kebergantungan usahawan kepada teknologi dan inovasi dihasilkan negara luar.

Katanya, MTDC sebagai anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa bersedia menjadi platform memperkasa kerjasama antara usahawan IKS dan universiti bagi membolehkan hasil R&D dikomersialkan ke pasaran.

"Kami boleh membantu memadankan usahawan IKS dengan kepakaran dan universiti yang tepat, namun usahawan perlu terlebih dahulu mengenal pasti teknologi

sesuai untuk syarikat mereka yang boleh digunakan secara strategik dalam memberi hasil optimum untuk bersaing dalam pasaran," katanya.

Mengenai program MTDC Road2Growth, Norhalim berkata, jerayawara sehari itu adalah platform untuk memberi pendedahan kepada usahawan di Sabah mengenai perkhidmatan ditawarkan dalam membantu mereka mengembangkan perniagaan, seterusnya menjadi usahawan teknologi. **BERNAMA**

Premis makanan hijau di USJ 7

Projek ini adalah kesinambungan projek pengasingan sisa makanan dilaksanakan MPSJ

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memperkenalkan inisiatif teknologi baharu menerusi pelancaran tapak rintis premis makanan hijau dan sistem pencernaan anaerobik (AD), di Medan Selera USJ, di sini kelmarin.

Projek dengan usaha sama **Sirim Berhad (Sirim)** dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) itu adalah kesinambungan projek pengasingan sisa makanan dilaksanakan MPSJ sejak tahun 2009.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali berkata, menggunakan kepakaran teknologi daripada pihak Sirim, projek bermatlamat memberikan pendedahan berkaitan pembungkus *Green Blue* (GB) kepada perusahaan

kecil dan sederhana (PKS).

Menurutnya, Medan Selera USJ 7, Subang Jaya adalah tapak rintis premis makanan hijau ketiga dilancar **Sirim** dengan kerjasama KeTTHA selepas Medan Ikan Bakar Kampung Gelam, Port Dickson dan Medan Selera Kompleks Melaka Mall, Ayer Keroh, Melaka.

"Loji sistem pencernaan anaerobik di USJ 7 pula adalah kemudahan biomassa ketiga diwujudkan di kawasan MPSJ selepas dibina di Pasar Awam Seri Serdang dan di Bandar Bukit Puchong.

"Projek ini adalah usaha MPSJ untuk membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 sekali gus memperkenalkan inisiatif hijau kepada masyarakat Subang Jaya melalui dasar *Blue Ocean Strategy* (CBOS),"



Zulkurnain (dua, kanan) ketika melihat loji sistem pencernaan anaerobik selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik di Medan Selera USJ 7.

katanya ketika majlis pelancaran pagi, kelmarin.

Hadir sama pada majlis itu, Setiausaha Bahagian Kanan Sektor Teknologi Hijau (KeTTHA), Rogayah Kadari serta Presiden dan

Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

Zulkurnain berkata, menerusi inisiatif tersebut, teknologi merawat pembungkus GB

bersama sisa makanan untuk menghasilkan biogas dan biobaja turut diperkenalkan.

"GB adalah teknologi pembungkusan inovatif menggabungkan konsep

biodegradasi dan baik pulih sumber bagi menyokong kelestarian alam sekitar dan perniagaan. Biogas terjana daripada sisa makanan dirawat di medan selera ini akan ditukar kepada tenaga elektrik untuk kegunaan setempat.

"Dalam program ini, 20 pengusaha premis makanan dari medan selera ini dibekalkan bekas pembungkusan makanan GB, bahan pencuci mesra alam dan sistem pencernaan anaerobik untuk tempoh rintis ini," katanya.

Tambahnya, bagi tujuan pensijilan premis makanan hijau, peniaga di medan selera terpilih akan menerima khidmat rundingan sebagai persediaan awal sebelum pengauditan oleh badan pensijilan Sirim QAS International.